

04 AUG 2001

JAMIN-SKIM

JAMIN MINTA KERAJAAN TERUSKAN SKIM ANUITI YANG TERTANGGUH

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Persatuan Perunding Insurans Bumiputera Malaysia (JAMIN) berharap pihak kerajaan akan meneruskan semula pelaksanaan Skim Anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dikendalikan oleh Konsortium Anuiti Malaysia.

Skim ini telah ditangguhkan sejak 10 Mei lepas atas permintaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), kata Pengerusi JAMIN Zon Tengah, Dr. Abdul Jalil Hashim.

Justeru itu, beliau berkata pihaknya akan menghantar surat terbuka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Ogos ini agar mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh JAMIN yang sesuai dengan konsep "Masyarakat Penyayang" Wawasan 2020.

"Pada tarikh yang sama juga, pihak KWSP akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan sama ada skim ini akan diteruskan ataupun tidak dan siapakah yang akan mengendalikannya," kata beliau pada sidang akhbar untuk memaklumkan mengenai Konvensyen JAMIN 2001 yang bakal diadakan.

Oleh kerana kos warga tua yang semakin meningkat, beliau berkata perlu ada badan yang sesuai untuk mengendalikan skim ini yang merupakan satu pilihan yang terbaik untuk kakitangan swasta.

"Masalahnya tiada siapa yang sanggup mengambil tanggungjawab ini termasuklah pihak bank, KWSP dan syarikat amanah saham kerana anuiti merupakan skim oleh syarikat insurans," katanya.

Oleh yang demikian, beliau berharap selain daripada Konsortium Anuiti Malaysia, syarikat seperti Arab Malaysian Finance Bhd, Talasco Insurance Bhd dan syarikat-syarikat di bawah Persatuan Insurans Kebangsaan Malaysia turut diberi hak untuk memasarkan skim tersebut.

Skim anuiti ini yang diperkenalkan pada 1 Julai, 2000 setelah melalui kajian selama empat tahun dengan jumlah keahlian seramai 250,000 orang, merupakan "skim opsyen" bagi ahli-ahli KWSP.

Sementara itu, Yang Dipertua JAMIN, Ngah @ Mohamed Ishak berkata pihaknya akan berjumpa dengan Pengarah Jabatan Pengawalan Insuran BNM, Zakaria Ismail pada 8 Ogos untuk menyarankan agar Dana Latihan Bumiputera (BTF) dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM2 juta mulai tahun ini.

BTF telah diperkenalkan pada tahun 1995 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak RM1 juta yang mana wang tersebut dikendalikan oleh Institut Insurans Malaysia (MIA).

Beliau berkata sejak tiga tahun yang lepas, BTF digunakan untuk meringankan beban bumiputera yang menyertai seminar dan kursus motivasi berkenaan perniagaan insurans anjuran JAMIN dan MIA.

Beliau berkata para peserta bumiputera hanya perlu membayar 30 peratus sahaja daripada yuran seminar yang dikenakan, selebihnya akan dibiayai oleh BTF.

"Sejak adanya BTF, penyertaan bumiputera dalam perniagaan insurans dapat diimbangi yang mana jumlah penyertaan bumiputera telah meningkat daripada 5 peratus kepada 20 peratus," kata beliau. -- BERNAMA

FAY AA